

PENGISLAMAN BAHASA MELAYU DALAM KITAB PENGETAHUAN BAHASA OLEH RAJA ALI HAJI

Abd Ganing Laenggang
Pensyarah Bahasa Melayu, Pusat Pengajian Teras.
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
abdulganing@kuis.edu.my

Abstrak

Abad ke-19 merupakan fasa ketiga proses islamisasi masyarakat Melayu. Pada fasa ini, proses islamisasi masyarakat Melayu terganggu akibat daripada proses sekularisasi yang dibawa oleh Barat melalui sistem pendidikan. Pada abad ini muncul Raja Ali Haji dengan penulisan *Kitab Pengetahuan Bahasa* (KPB) yang dihasilkan pada tahun 1858. Dalam kajian ini, pengkaji mempelikatkan bahawa penulisan KPB merupakan satu proses pengukuhan islamisasi bahasa Melayu dan sekali gus menjadi satu proses pengukuhan pemikiran Islam dalam kalangan orang Melayu. Kaedah perkamusan Raja Ali Haji telah mengangkat tinggi martabat bahasa Melayu sebagai bahasa Islam di Nusantara. Terdapat dua proses pengislaman bahasa Melayu yang wujud dalam KPB, iaitu (i) proses penyerapan kata-kata kunci Islam yang kebanyakan diserap daripada bahasa Al-Quran (bahasa Arab), dan (ii) dan proses pemaknaan kata-kata bahasa Melayu berdasarkan nilai-nilai dan pengertian Islam.

Kata Kunci: *Raja Ali Haji, Kitab Pengetahuan Bahasa, Pengukuhan Islamisasi Bahasa Melayu, Pemaknaan Islamik.*

Pengenalan

Terdapat tiga fasa utama pengislaman masyarakat Melayu, fasa pertama antara tahun 1200-1400, fasa kedua adalah antara tahun 1400-1700, dan fasa ketiga adalah tahun 1700 ke atas. Penyampaian ajaran-ajaran Islam pada peringkat pertama dilakukan dalam bentuk yang ringkas tanpa ada perbincangan secara akhiah dan ilmiah tentang dasar-dasar utama agama Islam, sehingga menyebabkan konsep-konsep lama praIslam masih menyelubungi konsep-konsep baharu yang dibawa oleh Islam (Wan Mohd Nor Wan Daud dan Khalif Muammar, 2009). Banyak perkataan yang berunsurkan ajaran Hindu-Budha yang masih digunakan walaupun sebahagian besar orang Melayu telah memeluk Islam. Antara perkataan yang dimaksudkan ialah perkataan *puasa, dosa, syurga, pahala, sembahyang* dan sebagainya. Dalam fasa kedua pula, perkembangan Islam berlaku dalam bentuk perbincangan ilmiah dan hal ini dapat dilihat melalui kitab-kitab utama oleh ilmuwan-ilmuwan Islam, seperti syed Nuruddin al-Raniri, Hamzah Fanzuri dan sebagainya. Ajaran Islam diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dan disesuaikan dengan alam Melayu seperti yang dilakukan oleh Syed Nuruddin al-Raniri. Fasa ini juga memperlihatkan bahawa telah wujud perbincangan secara ilmiah tentang asas-asas ajaran Islam dalam bahasa Melayu. Perkembangan Islam dalam bahasa Melayu telah menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu pada masa itu berbanding dengan bahasa lain di alam Melayu. Perkembangan ilmu menjadi unsur utama kelangsungan hidup sesebuah bahasa.

Walau bagaimanapun, perkembangan Islam terganggu akibat daripada proses sekularisasi yang dibawa oleh Barat melalui sistem pendidikan mereka. Penukaran sistem tulisan jawi kepada rumi merupakan salah satu proses utama dalam sekularisasi orang Melayu ketika itu. Oleh itu, pengkaji menganggap bahawa KPB yang dihasilkan Raja Ali Haji pada abad ke-19 (fasa ketiga perkembangan Islam) merupakan satu proses pengukuhan islamisasi bahasa Melayu dan sekali gus menjadi benteng sekularisasi Barat.

Konsep ringkas Islamisasi Bahasa Melayu

Secara umumnya islamisasi bahasa ialah proses membebaskan kedudukan dan fungsi bahasa daripada pandangan sekular. Dengan pengertian, kedudukan bahasa perlu dilihat dari sudut Islam, iaitu dengan mengangkat martabat bahasa sebagai satu anugerah Allah SWT kepada manusia, dan melihat fungsi bahasa dari sudut ibadah. Bahasa tidak seharusnya dilihat sebagai sesuatu yang wujud seadanya tanpa dikaitkan dengan kesempurnaan penciptaan manusia oleh Allah SWT. Dari segi fungsi, bahasa merupakan alat untuk memperoleh dan menyebarkan ilmu yang benar kepada orang lain sehingga mencapai ilmu yang paling tinggi – ilmu mengenal Allah SWT. Islamisasi bahasa ini berlaku kepada semua bahasa di dunia.

Dalam konteks bahasa Melayu, islamisasi bahasa Melayu bermaksud membebaskan bahasa Melayu yang hanya dilihat hanya sebagai lambang jati diri, warisan kebudayaan dan ketamadunan Melayu tanpa kaitan dengan agama; kemudian mengangkat kedudukan bahasa Melayu sebagai anugerah Allah SWT kepada umat Melayu dan mengangkat peranan bahasa Melayu sebagai salah satu bahasa Islam utama di dunia. Islamisasi bahasa Melayu (termasuk bahasa-bahasa lain) berlaku dalam dua proses utama, iaitu (i) penyerapan kata-kata kunci Islam ke dalam bahasa Melayu dan (ii) proses pemaknaan perkataan berdasarkan sudut pandangan Islam sama ada perkataan itu kata-kata asal bahasa Melayu atau kata pinjaman. Bahasa Melayu dituturkan oleh hampir $\frac{1}{4}$ penganut Islam di dunia (Hashim Musa et al, 2013) dan fakta ini menjadikan bahasa Melayu (selepas bahasa Arab) mempunyai tanggungjawab yang besar dalam menyebarkan ajaran Islam

Tujuan Kajian

- (i) Memperlihatkan ciri-ciri utama *KPB* sebagai satu proses pengukuhan islamisasi bahasa Melayu.
- (ii) menyerlahkan lagi ketokohan Raja Ali Haji sebagai ilmuwan Melayu Muslim melalui penulisan kamus *KPB*.

Metodologi dan Bahan Kajian

Kajian ini dilakukan menggunakan pendekatan deskriptif, iaitu lebih tertumpu kepada analisis kandungan. Analisis ini akan melihat struktur atau bahagian-bahagian kamus tersebut, kemudian kaedah pemaknaan. Berdasarkan analisis terhadap *KPB*, pengkaji mendapati Raja Ali Haji memecahkan kitab tersebut kepada tiga bahagian utama, iaitu (i) Bahagian tatabahasa, (ii) Bahagian senarai Kata-kata kunci Islam, dan (iii) Senarai perkataan umum. Bahan kajian ialah *KPB* yang dihasilkan oleh Raja Ali Haji pada tahun 1858 dan ditulis dalam tulisan Jawi. Pada tahun 1928, kitab ini ditransliterasi ke dalam tulisan Rumi, dan sekali lagi dikemas kini pada tahun 1986 dengan menggunakan tulisan Rumi mengikut ejaan bahasa Melayu (Indonesia) baharu. Kajian menggunakan *KPB* yang terkini, iaitu kamus yang dikemas kini pada tahun 1986/1987 oleh Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, Penelitian dan Pengkajian Kebudayaan Nusantara, Pekanbaru, Indonesia.

Latar Belakang Raja Ali Haji Secara Ringkas

Raja Ali Haji Bin Raja Ahmad dilahirkan pada 1809 di Pulau Penyegat, Riau Indonesia dan beliau meninggal pada tahun 1873. Beliau merupakan golongan bangsawan dan cucu kepada Raja Haji bin Upo Daeng Celak, YDM Riau. Raja Ali Haji membesar dalam lingkungan istana dan ketokohan beliau sebagai ilmuwan disebabkan oleh orang-orang yang ada di sekitarnya sangat mementingkan pendidikan. Ramai ulama yang melawat istana Johor menurunkan ilmu kepada Raja Ali Haji. Persekitaran yang kondusif ini membolehkan Raja Ali Haji berpeluang mendalami pelbagai bidang ilmu agama. Sikap yang suka membaca turut menjadi sebab utama untuk beliau menjadi seorang ilmuwan.

Dengan ilmu yang dipelajari, beliau banyak menulis kitab atau karya yang mengandungi nilai yang cukup tinggi. Antara kitab dan karya yang terkenal ialah *Gurindam Dua Belas (1847)*, *Bustan al-Katibin (1851)*, *Thamarat al-Muhimmah, KPB (1858)*, *Tuhfat al-Nafis (1865)*, *Salasilah Melayu Bugis (1865)*, *Muqaddimah Fi Intizam, Syair Siti Saniah, Syair Muluk, Syair Hukum Nikah* (Raja Hisyamuddin Raja Sulomng dan Bharuddin Che Pa, 2012:327). Menurut Raja Hisyamuddin Raja Sulong dan

Bharuddin Che Pa (2012:333), karya-karya yang dihasilkan oleh Raja Ali Haji mengandungi nilai akademik yang tinggi dan sebab itu ia dijadikan sebagai bahan kajian ramai sarjana tempatan dan luar negara. Siddiq Fadzil (2015) pula menganggap Raja Ali Haji sebagai wira budaya dan pahlawan pena pada abad ke-19. Kebesarannya bukan kerana diangkat tetapi diraih dengan gigih.

Penghasilan KPB Sebagai Satu Proses Pengukuhan Islamisasi Bahasa

KPB yang dihasilkan oleh Raja Ali Haji merupakan satu usaha untuk mengukuhkan proses islamisasi bahasa Melayu melalui kaedah dan ciri-ciri yang ada pada kamus tersebut. Menurut Hashim Musa (2004:45), Raja Ali Haji telah meletakkan tradisi pengajian bahasa Melayu berdasarkan maksud dan matlamat pengajian bahasa yang digariskan oleh tradisi pengajian Islam. Hal ini kerana Raja Ali Haji telah meletakkan asas pengajian bahasa Melayu pada tempatnya yang sebenar, iaitu bahasa Melayu sebagai wahana untuk mencapai kebenaran yang hakiki yang membawa kepada ilmu makrifat, keimanan dan ketakwaan. Kajian ini pula melihat dari yang lain, iaitu penghasilan KPB merupakan satu proses pengukuhan islamisasi bahasa Melayu yang pada ketika itu (pada abad ke-19) proses sekularisasi mula berakar di alam Melayu melalui sistem pendidikan Barat. Dalam konteks ini, pengkaji memperlihatkan pengislaman bahasa Melayu melalui kaedah, struktur dan ciri-ciri penulisan KPB.

a. Tatabahasa

Penulisan hukum tatabahasa bahasa Melayu merupakan satu bentuk proses pengukuhan islamisasi bahasa Melayu. Tatabahasa yang teratur akan membentuk ilmu yang betul dan mudah difahami. Dengan perkataan lain, ketepatan ilmu yang disampaikan amat bergantung pada ketepatan hukum tatabahasa. Tatabahasa berperanan menyusun unit-unit ini dengan lengkap, teratur dan benar. Ilmu dibentuk oleh unit-unit ilmu, iaitu kata-kata kunci sesuatu ilmu. Contohnya, ilmu Islam dibentuk oleh unit-unit ilmu yang lain, seperti perkataan *Allah, Esa, Muhamad, Pesuruh, Solat, iman, takwa, tauhid* dan sebagainya. Perkataan-perkataan ini merupakan unit-unit ilmu yang perlu disusun mengikut tatabahasa yang tepat agar ilmu tentang Islam itu dapat disampaikan dengan betul. Penyampaian makna yang tepat di peringkat ayat amat bergantung pada hukum tatabahasa yang tepat. Oleh itu, penguasaan tatabahasa oleh seseorang penulis ilmu, khususnya ilmu Islam amat penting agar ilmu yang disampaikan itu tidak mengelirukan dan menyesatkan.

Dalam konteks inilah, Raja Ali Haji menyedari bahawa tatabahasa memainkan peranan penting dalam penyampaian ilmu dan meletakkan huraian tentang tatabahasa di bahagian awal dalam KPB. Pada pandangan Raja Ali Haji, penulisan kamus perlu dilengkapi dengan panduan tatabahasa. Berikut ialah ungkapan Raja Ali Haji di bahagian mukadimah berkenaan dengan keperluan tatabahasa dalam memahami ilmu

...ketahuilah olehmu hai orang yang menuntut bahasa Melayu bahawa sesungguhnya tiada boleh dapat kenyataan segala maksud bahasa Melayu dengan sempurna melainkan hendaklah dengan ilmu yang tersebut (iaitu ilmu nahu), yang akan lagi datang di dalam kitab ini...Peri ilmunya itu, iaitu hendaklah kita ketahui duhulu yang asalnya diperbuat perkataan (aspek morfologi) oleh segala manusia di dalam dunia ini... (KPB, hlmn 2)

Dalam KPB, Raja Ali Haji menghuraikan dua aspek utama dalam tatabahasa, iaitu morfologi dan sintaksis. Aspek morfologi tertumpu pada penggolongan kata, manakala aspek sintaksis tertumpu pada proses pembinaan ayat (subjek dan predikat). Peraturan tatabahasa yang dihuraikan amat jelas dipengaruhi oleh hukum tatabahasa Arab. Hal ini dapat dilihat melalui penggunaan istilah Arab, seperti *isim* (kata nama), *fi'il* (kata kerja) *huruf* (mungkin boleh dipandankan dengan *kata tugas*), *khobar* (subjek), *mubtada* (predikat) dan sebagainya. Walaupun penyusunan tatabahasa tersebut berunsurkan hukum tatabahasa Arab, namun demikian usaha yang dilakukan itu bagi memenuhi keperluan pengajian bahasa ketika itu, dan berupaya menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Keupayaan tatabahasa bahasa Melayu telah terbukti berjaya menyebarkan Islam di alam Melayu. Tatabahasa pegangan pada hari

ini tidak lagi menggunakan tatabahasa Arab, sebaliknya menggunakan pengaruh Barat, iaitu tatabahasa transformasi-generatif.

b. Kata-kata Kunci Utama Islam

Proses islamisasi bahasa ditandai oleh proses penyerapan kata-kata kunci utama Islam ke dalam bahasa Melayu. KPB telah meletakkan satu bahagian khas untuk kata-kata kunci utama yang membentuk pandangan Islam dalam masyarakat Melayu. Kata-kata kunci Islam ini adalah dalam bahasa Arab dan menjadi pegangan asas agama Islam. Tujuh perkataan yang dipilih oleh Raja Ali Haji dalam membentuk pandangan hidup orang Melayu ialah *Allah, Ahmad (Muhamamd), as-hab (para sahabat), akhbar (ualama-ulama besar), insan, al-dunia, dan al-akhirat*. Makna setiap istilah tersebut diperincikan berdasarkan autoriti yang tertinggi, iaitu al-Quran, Hadis, dan ulama Mu'tabar. Perincian ini dilakukan bagi memelihara makna ketujuh-tujuh perkataan tersebut agar tidak berubah mengikut peredaran zaman. Dengan perkataan lain, melalui perincian makna yang lengkap dan tepat, diharapkan agar makna *Allah* hari ini dan pada masa akan datang adalah sama dengan makna Allah SWT pada zaman Nabi Muhammad SAW. Tujuh perkataan itu tidak perlu diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu, sebaliknya ia hanya perlu diserap ke dalam bahasa Melayu dengan mengekalkan makna asalnya sahaja. Raja Ali Haji menegaskan seperti berikut:

Syahdan segala manusia itu apabila mengenal makrifat yang tujuh dan pengetahuan yang tujuh yang sudah tersebut itu serta beriman akan dia nescaya sempurnalah akalunya dan berbedalah ia dengan binatang pada pihak pengetahuannya. (KPB, hlmn 34)

Melalui pernyataan di atas, Raja Ali dengan tegas menyimpulkan bahawa ketujuh-tujuh perkataan tersebut hendaklah difahami, diimani, dan diamalkan. Kefahaman, pengamalan dan keimanan terhadap tujuh konsep utama di atas akan membentuk manusia yang sempurna dari segi akal dan dapat membezakan diri manusia dengan binatang. Dalam konteks perkembangan bahasa Melayu sebagai bahasa Islam, penyerapan tujuh kata utama Islam ke dalam bahasa Melayu telah mengukuhkan lagi proses pengislaman bahasa dan pengislaman pemikiran (akal) orang Melayu. Tujuh kata kunci utama Islam yang diletakkan di bahagian hadapan Kitab tersebut menandakan bahawa Raja Ali Haji seorang yang memahami fungsi bahasa dalam membentuk pandangan hidup Islam dalam kalangan orang Melayu. Dengan perkataan lain, Raja Ali Haji amat memahami hubungan bahasa dengan pandangan hidup.

Selain itu, Raja Ali Haji turut mencadangkan agar merujuk guru yang mahir tentang agama ilmu yang diperoleh lebih menyeluruh. Dengan perkataan lain, untuk memahami lebih lanjut tujuh kata kunci utama Islam yang dikemukakan di atas, para penuntut hendaklah berguru dengan ahli agama agar mereka mendapat ilmu benar. Hal ini dapat dilihat melalui pernyataan berikut:

Syahdan ketahui olehmu hai yang menuntut, maka tiadalah hasil boleh mengenal sebenar-benar pengenalan pada makrifat tersebut itu melainkan dengan sebab dua perkara. Bermula sebab yang pertama hendaklah menuntut kepada guru yang sudah mengetahui daripada ilmu makrifat. (KPB, Hlamn 35)

Di sini pengkaji menyenaraikan tiga kata-kata kunci utama Islam yang ditekankan oleh Raja Ali Haji.

- 1. Allah** - Yaitu isim al zat yakni nama zat Tuhan kita yang maha besar dan maha mulia. Dan ialah Tuhan kita yang wajib alwujud yakni wajib adanya, mustahil tiadanya. Dan keadaannya tiada berkarena daripada sesuatu. Dan ialah yang menjadikan alam ini daripada tiada kepada ada. Dan tiada boleh alam itu ada dengan sendirinya...Dan lagi tandanya kita dijadikan Allah ta'ala dengan hikmatnya, maka cubalah kita tilik diri kita baik-baik dengan tilik fikiran akal akan kejadian kita...semuanya itu jika difikirkan dengan akal yang sempurna semuanya menjadi tanda Allah Ta'ala harus menjadikan sekalian alam ini... Dan wajib pula kita iktikadkan Allah Ta'ala itu bersifat *qadim*...Dan wajib pula kita iktikadkan ia bersifat *baqa* ... Allah Ta'ala itu janjinya benar pada

membalas amal hambanya yang baik dan yang jahat. Dan amal yang baik itu dijadikan sebab masuk syurga dan amal yang jahat itu dijadikannya sebab masuk neraka dengan perintah yang adil dengan hikamtnya yang baqalah wahuwa da allun limayurid wafa alun limayasa' intaha. (KPB, hlmn 22-24)

2. **Ahmad (Muhamad)** - Yaitu suatu Nabi yang akhir al zaman yaitu kesudahan segala Nabi dan kesudah-sudahan segala rasul yang memansuhkan segala agama Nabi lain-lainnya. Adalah bangsa Arab lagi Quresy. Ayahandanya adalah Abdullah anak Abdul Mutalibanak Hasyim anak cucu daripad aNabi Allah Ismail anak Nabi Allah Ibrahim alaihuma salam ... di dalam negeri Makatul Musyarafah..empat puluh tahun umurnya menjadi Rasul kepada segala manusia dan jin... syahdan adalah namanya yang masyhur Muhamad. Adapun nama ahmad itu yaitu nama yang tersebut di dalam injil ... yang tersebut di dalam Quranul azim. Friman Allah Ta'ala : waiza qala Isa Ibnu Maryam ya bani Israila anni rasulullahi ilaikum muzad dika lamaa baina yaddai minat taurati wamubassiran birasulin ya'ti min ba'diasmuhu Ahmad.. maknanya itu yaitu pada ketika mangata abi Isa alaihi salam anak Maryam, hai bani israil bahwa sesungguhnya Aku pesuruh Allah Ta'ala kepad akamu semua, hal keadaannya membenarkan bagi arang yang antara hadapanku daripada kitab taurad dan aku khabarkan yang kesukaan dengan satu Rasul yang lagi akan datang kemudian daripadaku in namanya Ahmad... Dan wajib atas segala makhluk membenarkan dia dan mengikut akan dia. Dan haram atas segala mereka itu mendustakan dia dan menyalahi dia ... (KPB, hlmn 25-26)
3. **Insan** - Yakni manusia yaitu makhluk yang dijadikanAllah Subahanawa Ta'ala daripada tidak kepada ada... adalah perulan dijadikan itu Nabi Adam alahi salam. Kemudian dijadikan isteri daripadanya yiatu hawa. Maka balagha. Maka diturunkan ia kedalam dunia, maka beranak cuculah turun-temurun hingga sampai hari kiamat. Adalah anak cucunya itu kita semua ini yang di dalam dunia inilah... syahdan adalah sebab hidup tubuh manusia ini itu dengan sebab ruh yakni nyawa. Adalah nyawa itu yaitu jisim yang haalus yang tiada melindungi oleh sesuatu, hidup i abagi dirinya, berlekat ia dengan jisim yang kasar.. Dan meneriam ia m\nnikmat dan menerima azab serta badannya di dalam dunia atau akhirat. Dan apabil abatal tasyrafnya kepada badan itu matilah manusia itu ... (KPB, hlmn 27-8)

Proses pemaknaan terhadap kektiga-tiga kata kunci utama Islam di atas dilakukan dengan memperincikan maksud, peranan dan kedudukannya yang sebenar. Dengan perincian makna sedemikian, makna kata-kata kunci dalam ajaran Islam itu dapat dipelihara dan difahami dengan betul oleh pengguna bahasa Melayu pada ketika itu dan pada zaman berikutnya. Penyerapan kata-kata kunci utama Islam bersama dengan perincian makna itu telah mengukuhkan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa Islam. Dari segi pemaknaan, analisis kajian mendapati bahawa Raja Ali Haji telah memberikan konsep Allah SWT berdasarkan nilai akidah, tauhid dan keimanan yang sebenar. Raja Ali Haji telah meletakkan Allah SWT sebagai tuhan kita yang Maha Besar dan Maha Mulia. Beliau mengatakan bahawa kewujudan Allah SWT adalah benar dan menegaskan bahawa Allah ialah Pencitpa alam ini. Kita diwajibkan untuk meyakini kewujudan Allah SWT.

Selain daripada tujuh kata kunci utama Islam di atas, di bahagian ketiga kamus tersebut menyenarai banyak perkataan bahasa Arab. Bahasa Arab yang diserap ke dalam bahasa Melayu dinyatakan dengan jelas oleh Raja Ali Haji. Lazimnya, Raja Ali Haji mengatakan dengan jelas bahawa perkataan tersebut berasal daripada bahasa Arab dan telah diserap ke dalam bahasa Melayu. Kebanyakan perkataan yang diserap daripada bahasa Arab akan disebut oleh Raja Ali seperti berikut:

1. **Ingkar** - *Adalah ingkar ini asalnya bahasa Arab*, akan tetapi orang Melayu sudah memakai bahasa ini, seolah-olah bahasanya sendiri, maka aku masukkanlah pada fasal ini hanyalah ikhtilafnya...ingkar tiada mau mengikut.. menyangka dirinya benar... (KPB, hlmn 94)

2. **Ajal** - Bahasa ini asalnya bahasa Arab, makna Melayunya pertanggungannya, akan tetapi orang-orang Melayu sudah mahsyur memakai bahasa ini seolah-olah bahasa dirinya...syahdan ajal ini adalah pertanggungjanji umur seseorang yang tersurat di ruh mahfud... (KPB, hlmn 122)
3. **Takabur** - Adalah bahasa ini asalnya bahasa Arab akan tetapi orang-orang Melayu telah memakai bahasa ini seolah-olah bahasa dirinya daripada sangat sangat masyhurnya maka haruslah ditaruh pada kita bahasa Melayu, bermula ada takbur iaitu sifat seorang membesarkan dirinya melihat orang kurang daripadanya sama ada pada bangsa atau paras rupa atau pada ilmu...bernamalah takabur (KPB, hlmn: 243)

c. Pemaknaan Bahasa (Kata) Melayu Asli berdasarkan nilai-nilai Islam

Selain huraian tatabahasa dan penyerapan kata-kata kunci utama Islam ke dalam bahasa Melayu, proses pemaknaan bahasa Melayu yang berdasarkan nilai-nilai Islam juga merupakan satu proses pengukuhan nilai bahasa Melayu sebagai bahasa Islam. Dengan perkataan lain, perkataan-perkataan asli bahasa Melayu didefinisikan berdasarkan penilaian Islam. Berikut ialah perbandingan empat contoh perkataan bahasa Melayu asli yang didefinisikan berdasarkan nilai-nilai Islam oleh Raja Ali Haji dengan kaedah pemaknaan Kamus Dewan Edisi Keempat (2007).

1. **Bohong** - Yaitu tiada sungguh barang yang dikatakannya, inilah sekeji-keji sifat kecelakaan, Nau zubillahi minha, orang bohong, inilah disebut di dalam Ikhya Ulumuddin, tiada harus diperbuat sahabat sekali-kali adanya. (KPB, hlmn 178)

Bohong - berlainan daripada yang sebenarnya (cerita, keadaan dll) (Kamus Dewan, 2007:197)

2. **Bersin** - Yaitu hawa yangberjalan dari pada kepala, datang kepada hidung, pada hal menggelikan, jadi terkeluar dengan teragak, serta berbunyi suara, iaitu alamat sehat badan dan disunatkan pada ketika lepas dari pada bersin menyata alhamdulillah dan jika orang lain bersin menyata alhamdulillah, maka kita jawab pula yarham kallah, maka dibalas pula oleh yang bersin Yahdina yakhdikumullah adanya. (KPB, hlmn 194)

Bersin- mengeluarkan udara dengan tiba-tibalagi keras daripada hidung dan mulut (kerana selesema dll) (Kamus Dewan, 2007:172)

3. **Berudu** - Yaitu jenis ikan juga, akan tetapi bukannya asal daripada ikan, ia adalah rupanya, kecil-kecil. Asalnya daripada telur katak, yaitu haram pada umat Islam, maka apabila ia besar keluarlah kakinya, maka menjadilah ia katak adanya. (KPB, hlmn 199)

Berudu – larva katak atau kodok yang mempunyai badan yang bulat, panjang ekornya dan insang luar (Kamus Dewan, 2007:173)

4. **Tidur** - Yakni sudah maklum makna tidur yaitu orang hilang ‘akalnya sebenar serta pejam dua matanya yang sudah diadatkan oleh Allah SWT, pada sekalian hewan menerima tidur jua adanya’. (KPB, hlmn 244)

Tidur – dalam keadaan tidak sedar dengan mata terpejam (Kamus Dewan, 2007:1681)

Kesimpulan dan Cadangan

Proses islamisasi bahasa Melayu berlaku secara berperingkat selari dengan proses islamisasi masyarakat Melayu. Pengukuhan ini merujuk kepada dokumentasi bahasa Melayu dalam bentuk kamus dengan

memberikan roh Islam melalui proses penyerapan dan pemaknaan. Berdasarkan analisis ringkas, kajian ini mencadangkan agar tradisi perkamusan Raja Ali Haji diteruskan pada hari ini bagi memantapkan lagi proses pengislaman pelbagai ilmu dalam bahasa Melayu. Pembinaan Kamus Bahasa Melayu Islam merupakan satu yang perlu dimulakan dengan berdasarkan konsep dan ciri-ciri KPB. Hal ini penting kerana bahasa merupakan kenderaan ilmu (vehicle of knowledge) manakala ilmu ialah kandungan bahasa. Jika kenderaan ini rosak, maka ilmu itu juga sukar untuk sampai ke destinasi yang dituju. Dalam konteks inilah kamus yang menepati ciri-ciri perkamusan Raja Ali Haji memainkan peranan penting dalam memelihara ilmu kesesatan.

Bibliografi

- Abd Ganing Laenggang, 2016. *Islamisasi Bahasa Melayu Dalam mendepani Sekularisasi: Mencadangkan Penggubalan Kamus Bahasa Melayu Islamik*. Persidangan Kebangsaan Isu-isu Pendidikan Islam. Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya. 21-22 Mei 2016.
- Hashim Musa, 2004. Pengajian Bahasa Melayu Sebagai Wahana ke Arah Pencapaian Ilmu Makrifat dan Ketakwaan. Dlm Darwis Harahap, *Mutiara Budi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka..
- Hashim Musa, et al (2013). Bahasa Melayu dan Konsep Kebenaran Ilmu Berdasarkan Pandangan Syed Muhammad Naquib Al-Attas. *Jurnal Kemanusiaan*. Vol. 20. No 1. (2013), 1-22.
- Himpunan Keilmuan Muslim (HAKIM) dan Klasika Media, 2012. Makna, Falsafah dan Peranan Bahasa dalam Pendidikan. Seminar Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. 28 Jun 2012.
- Ibrahim Hj Ahmad, 2015. *Asas Ilmu Pekamusan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kabul Astuti, 2012. *Pengaruh Deislamisasi Bahasa Terhadap Perilaku Bangsa. Seminar Nasional Bahasa dalam Dimensi Kemasyarakatan dan Kebudayaan*. Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia, Jakarta. 10-11 Disember 2013.
- Kamus Dewan Edisi Keempat, 2007. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Raja Ali Haji, 1986. KPB: Yaitu Kamus Loghat Melayu Johor Pahang Riau Lingga. (Transliterasi oleh R. Hamzah Yunus), Pekan Baru: Departamen Pendidikan dan Kebudayaan Penelitian dan Pengkajian Kebudayaan Nusantara.
- Siddiq Fadzil, 2015. *Raja Ali Haji: Kecendikiawan dan Kepengarangannya*. Dalam Ucapan Tama *Seminar Raja Ali Haji*, Dewan Utama Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 10 Mac, Kajang Selangor.
- Wan Mohd Nor Wan Daud, Khalif Muammar, 2009. Kerangka Konfrehensif Pemikiran Melayu Abd Ke-17 Masihi Berdasarkan Manuskrip Durr al-Farai'id Karangan Sheikh Nuruddin al-Raniri. *Internatioanl Journal of The Malay World and Civilisation*, 27(2): 119-146.